

Perkim Unisza berdakwah di Pos Tohoi

GUA MUSANG 22 Mac - Seramai 40 pelajar Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu turun padang ke Pos Tohoi, di sini bagi memberi pendidikan dan dakwah kepada masyarakat Orang Asli Temiar beragama Islam di situ baru-baru ini.

Dekan Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL) UniSZA, Prof. Dr. Ramlee Abdullah berkata, program itu yang dinamakan Jalinan Kasih Perkim merupakan siri keempat dilakukan di perkampungan Orang Asli bagi mengajar kumpulan itu mendalami ajaran Islam.

Beliau yang juga Penasihat Perkim berkata, masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam masih memerlukan bantuan serta bimbingan berterusan tentang agama ini daripada pelbagai pihak.

“Sebelum ini kita telah melaksanakan program sama di Pos Pulat, Pos Hendrop dan Pos Tohoi. Untuk edisi keempat, kita memilih Pos Tohoi sekali lagi kerana budaya serta cara hidup masyarakat di sini yang menarik.

“Apabila kita datang ke sini, pandangan masyarakat luar yang berpendapat kehidupan Orang Asli serba daif ternyata meleset.

“Kita melihat Orang Asli di sini menikmati pelbagai pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah perumahan, sekolah serta bekalan elektrik dan air,” katanya selepas merasmikan program Jalinan Kasih Perkim di Pos Tohoi di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pegawai Program Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+), Wan A'mran Wan Mohamed yang mewakili Pegawai Pendidikan Dae-

rah Gua Musang dan Penghulu Pos Tohoi, Zainal Chali.

Sementara itu, Pengarah Program Jalinan Kasih Perkim, Abdul Latif Ahmad, 22, berkata, program yang berlangsung selama dua hari di kampung berkenaan boleh dianggap berjaya mencapai matlamat.

Katanya, selain berdakwah, program itu telah memberi pengalaman dan memupuk hubungan silaturahim antara pelajar dan penduduk Orang Asli.

“Pelbagai aktiviti yang kami laksanakan di perkampungan ini. Antaranya ialah program keluarga angkat, program ilmu fardu ain, sukaneka dan penjagaan diri kepada kanak-kanak serta keluarga Orang Asli.

“Kami berharap program bermanfaat ini akan dilakukan setiap tahun bagi memberi pendedahan yang berguna kepada pelajar serta penduduk terlibat,” katanya.



SEBAHAGIAN pelajar Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) turun padang berdakwah kepada Orang Asli Temiar di Pos Tohoi Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini.